

Teknologi urus air negara belum berkembang



**Minda
Lestari**

Bersama

Prof Dr Zaini Ujang

WALAU PUN banyak pandangan yang tidak begitu selesa dalam perbincangan di Dewan Rakyat mengenai perkhidmatan air, namun akhirnya Akta Industri Perkhidmatan Air dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) diluluskan juga pada 10 Mei lalu.

Ada di kalangan ahli korporat berpendapat kedua-dua akta itu terlalu mengongkong sifatnya, sehingga boleh menjadikan perkhidmatan air di Malaysia bersifat regimended. Banyak kuasa diberikan kepada Menteri dan SPAN untuk menentukan keputusan penting berkaitan dengan industri perkhidmatan air. Menurut mereka, industri itu sepatutnya dibenarkan berkembang dan ditentukan sendiri oleh persekitaran dan rundingan perniagaan, tanpa perlu di kawal selia agensi awam.

Sementara itu, segolongan persatuan pengguna meminta agar kedua-dua akta itu tidak dijadikan permulaan untuk menswastakan semua perkhidmatan air dan kemudian menjustifikasikan kenaikan tarif air.

Sebenarnya, tidak semua NGO pesimis terhadap kedua-dua akta itu. Beberapa NGO, seperti Persatuan Air Malaysia menyokong kedua-dua akta itu kerana ia boleh memberi dimensi baru kepada industri perkhidmatan air.

Perlu juga dijelaskan bahawa kedua-dua akta itu hanya boleh dibentangkan di Parlimen selepas melalui pelbagai tahap, bermula dengan pindaan Perlembagaan Per-

sekutuan pada 17 Januari 2005, iaitu memindahkan kuasa menguruskan hal berkaitan perkhidmatan air di Malaysia daripada Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat. Kemudian, pelbagai rundingan dijalankan dengan pelbagai agensi, NGO dan pihak yang prihatin.

Saya berpendapat dalam memahami matlamat dan aspirasi kedua-dua akta itu, kita tidak seharusnya peka terhadap isu 'panas' seperti tarif air, hukuman mati kepada pesalah yang mencemarkan air dengan niat menyebabkan kematian, peluang perniagaan dan model penswastaaan saja. Kedua-dua akta itu seharusnya dinilai secara adil dengan perspektif yang lebih komprehensif dan proaktif.

Seperti yang dijelaskan Menteri Tenaga Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, kedua-dua akta itu telah dirangka untuk membolehkan kemudahan perkhidmatan air dibangunkan sepenuhnya.

Ini dilakukan dengan menyediakan bekalan air yang berkualiti dan perkhidmatan pembedungan yang efektif. Komponennya termasuklah penggantian paip lama yang sering bocor, sehinggalah mempertingkatkan kemudahan loji kumbahan dan enap cemar agar kualiti air sungai, tasik, pantai dan laut dapat ditingkatkan demi kesejahteraan kesihatan awam yang dijangka akan dapat pula menyumbang kepada sektor lain terutama memperkayakan sektor pelancongan, pengangkutan dan perikanan.

Kita memerlukan sistem pengurusan, pentadbiran dan kemudahan perkhidmatan air yang terancang, dilaksana, dikawal-selia dan dipertingkatkan dari masa ke masa tanpa dihalang oleh isu lapuk seperti per-tindihan kuasa, kelewatan kerana kerenah

pelbagai tahap dalam rantaian sistem birokrasi dalam meluluskan sesuatu cadangan dan kekurangan peruntukan.

Menerusi kedua-dua akta itu, mekanisme pengurusan perkhidmatan air akan lebih telus, seragam dan berdaya maju. Ini membolehkan pelbagai agensi berfungsi dengan lebih efisien dan efektif, khususnya dari segi bidang tugas menguruskan peruntukan dan pelaksanaan projek yang berkaitan. Keadaan ini akan mendorong dan memudahkan pihak swasta dan pelabur untuk melabur dalam sektor ini, khususnya pengurusan aset, kegiatan operasi dan penyelenggaraan.

Ketika ini sektor perkhidmatan air sangat lembap perkembangannya kerana ia masih bergantung kepada projek kerajaan, berbanding sektor utiliti lain seperti tenaga dan komunikasi. Dalam hal ini, komitmen pihak swasta adalah kritikal untuk memperkenalkan lebih banyak inovasi, permodenan dan kemajuan dalam sektor ini.

Menerusi SPAN, komitmen sektor swasta itu dapat dijana dan disalurkan ke arah menyediakan perkhidmatan dari segi operasi dan penyelenggaraan aset yang dimiliki sepenuhnya oleh Syarikat Pengurusan Aset Air (WAMCO) yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan. Dengan kata lain, WAMCO bertanggungjawab untuk mencari dana menerusi pelbagai cara, termasuklah dana awam, untuk disalurkan kepada penyediaan prasarana industri perkhidmatan air.

Saya juga berpendapat menerusi mekanisme sedemikian, lebih banyak reka cipta dan inovasi tempatan akan dikembangkan menerusi Akta Industri Perkhidmatan Air. Ini berikutan banyak isu dan hal teknikal

yang memerlukan data, idea dan dapatan daripada sistem bekalan air dan pembedungan tempatan untuk membolehkan SPAN beroperasi dengan efektif dan efisien. Dalam hal masih banyak yang perlu dilakukan dalam konteks penyelidikan dan pembangunan (R&D), khususnya dalam aspek kejuruteraan, perundangan, model kewangan dan pengurusan aset.

Dalam kerangka lama, R&D memang banyak dilakukan tetapi ia bersifat serpihan dan tidak bersepadu. Menerusi SPAN, kita mengharapkan usaha yang lebih terarah supaya teknologi dan sistem pengurusan dalam industri perkhidmatan air di Malaysia dapat dimajukan sepenuhnya. Hal ini kritikal kerana sebahagian besar teknologi yang diguna pakai ketika ini diimport. Kosnya mahal dan ada kala tidak begitu sesuai dengan persekitaran iklim dan budaya masyarakat.

Kita juga mengharapkan agar lebih banyak agensi swasta melabur dalam R&D untuk mencari kaedah membangun teknologi dan sistem pengurusan perkhidmatan air yang lebih efektif dan lestari. Dengan pelaburan itu diharap lebih banyak produk tempatan terhasil dan digunakan dengan lebih meluas. Ia juga boleh dimajukan ke tahap terbaik setelah menjalani peningkatan kualiti menerusi aktiviti R&D yang berterusan.

Pada hemat saya, pelaburan R&D dalam sektor perkhidmatan air adalah antara prasyarat penting untuk membolehkan syarikat tempatan menapak dengan lebih jauh bukan saja di pasaran tempatan, malah ke persada antarabangsa.